

04 JUN 1998

UMNO-Muhammad

MUHAMMAD TAIB AKAN BERI PENJELASAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno hari ini memutuskan memberi peluang kepada bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib untuk menjelaskan mengenai kedudukan hartanya di dalam dan luar negara kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebelum kita membuat apa jua "reccomendation" kita beri peluang kepada dia dulu memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai aset dia," kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa itu di sini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku pengerusi jawatankuasa berkenaan.

Sabbaruddin berkata demikian ketika ditanya mengenai kedudukan Muhammad yang juga Naib Presiden Umno selepas dia dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane, Australia daripada dua tuduhan melanggar undang-undang mata wang negara itu.

Sabbaruddin berkata selepas Muhammad memberi penjelasan kepada Dr Mahathir yang juga presiden Umno, terpulang kepada Dr Mahathir untuk mengemukakan kes Muhammad kepada Majlis Tertinggi (MT).

Muhammad ditahan di lapangan terbang Brisbane Disember tahun lepas semasa membawa keluar wang dalam beberapa mata wang berjumlah A\$1.2 juta atau kira-kira RM2.9 juta.

Semasa perbincangan beliau mendedahkan kepada mahkamah bahawa dia memiliki harta berjuta-juta ringgit di Australia dan New Zealand atas nama isterinya.

Sabbaruddin berkata jawatankuasa berkenaan tidak menetapkan tempoh waktu untuk Muhammad memberi penjelasan berkenaan kepada Dr Mahathir.

MT dijadualkan mengadakan mesyuarat bulannya pada Isnin ini.

Ditanya sama ada Muhammad dijemput menghadiri perhimpunan agung parti pada 19 hingga 21 Jun ini, Sabbaruddin berkata: "dia masih bercuti lagi."

Sabbaruddin berkata, mesyuarat jawatankuasa itu juga mencadangkan agar MT menggantung jawatan anggota Exco Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Waad Mansor yang kini menghadapi lima tuduhan rasuah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedah diri.

Jawatankuasa itu juga turut mencadangkan Waad, 41, digantung daripada memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Tampin, katanya.

Sabbaruddin berkata, jawatankuasa juga membincangkan kedudukan 11 anggota parti di Sabah yang dilaporkan menyertai atau terlibat dengan kegiatan parti pembangkang, Parti Bersekutu Sabah dan Parti Bersatu Sabah.

"Mereka akan kita pastikan, kalau betul terlibat, akan direkomen kepada MT untuk diambil tindakan sewajarnya," katanya.

-- BERNAMA

RAZ oba